



Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia
JABATAN PERDANA MENTERI
Aras 10, One IOI Square
IOI Resort
62502 PUTRAJAYA



Tel : 03 – 89957006/7019
Faks : 03 – 89411000
Web : <http://www.mmea.gov.my>

Rujuk: APMM PRO100/1/1 Jld 1 (26)

Tarikh: 15 Februari 2014

Siaran Media

SAMBUTAN HARI ULANG TAHUN MARITIM MALAYSIA KE-9

KUANTAN, 15 Feb – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia atau lebih dikenali sebagai Maritim Malaysia menyambut ulang tahun ke-9 hari ini yang dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat . Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim merangkap Menteri yang dipertanggungjawabkan ke atas Maritim Malaysia. Hadir sama ialah Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, YBhg. Laksamana Maritim Datuk Mohd Amdan bin Kurish. Kira-kira 300 pegawai dan pegawai Lain-Lain Pangkat dari perkhidmatan penguat kuasa terlibat dalam upacara perbarisan. Sambutan pada kali ini bertemakan 'Maritim Berintergriti, Kesejahteraan Terpelihara' disambut pada 15 Februari sejak tahun 2005 bersempena tarikh penubuhan rasmi Maritim Malaysia.

2. Selain perbarisan, sambutan turut dimeriahkan dengan pengisian aktiviti-aktiviti seperti berikut:

2.1. Penganugerahan Pingat Kedaulatan Negara. Penganugerahan ini melibatkan seramai 69 orang penguat kuasa maritim yang telah memberi khidmat dan pengorbanan dalam menjaga perairan Sabah khususnya di kawasan ESSZONE.

2.2. Pelancaran Facebook Rasmi Maritim Malaysia. Facebook ini telahpun menemui pelayar-pelayar internet bermula pada bulan Julai 2013. Pada hari ini, ia dilancarkan agar masyarakat mendapat makluman dan boleh melayarinya bagi mendapatkan maklumat terkini mengenai agensi ini. Orang ramai juga boleh memberi komen atau input yang membina untuk membantu meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan agensi ataupun menambahbaik lagi produk facebook itu . Ia boleh diakses di www.facebook.com/maritimmalaysia.

2.3. Penganugerahan Sijil Khas Maritim Malaysia. Seramai 16 anggota penguat kuasa daripada wilayah-wilayah maritim di Semenanjung dan seorang penguat kuasa daripada Wilayah Maritim Sabah dan Labuan. Anugerah ini bagi menghargai perkhidmatan cemerlang dan pencapaian luar biasa yang telah mereka tunjukkan ketika melaksanakan operasi penguatkuasaan dan carilamat di sepanjang 2013.

2.4 Majlis Perasmian dan Penamaan Dewan Serbaguna Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS). Dewan ini boleh memuatkan 500 individu dalam satu masa yang menelan kos belanja 4.4 juta. Ia merupakan dewan baru yang mula digunakan selepas bangunan AMSAS siap dibina sepenuhnya pada akhir tahun 2012. Dewan ini juga merupakan tempat beriadah bagi pelatih-pelatih melakukan aktiviti sukan dan lain-lain aktiviti. Selepas ini, dewan tersebut akan dikenali sebagai Dewan Dato' Noor Aziz iaitu nama mantan Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) Maritim Malaysia yang pertama. Allahyarham Laksamana Madya Maritim Dato' Noor Aziz bin Yunan telah berkhidmat dengan agensi ini sejak dalam Tim Perintis iaitu sekitar tahun 2002 dan bersara daripada perkhidmatannya pada tahun 2011.

PENCAPAIAN

3. Sejak memulakan operasinya pada tahun 2006 sehingga Disember 2013, Maritim Malaysia berjaya menurunkan kadar jenayah iaitu 48% pada tahun 2006 kepada 2.5% pada tahun 2013. Peratusan ini juga memberi indikator bahawa wujudnya kesedaran dan pematuhan undang-undang di kalangan komuniti maritim. Indeks pematuhan undang-undang pada tahun 2013 ialah 97.5%.

4. Maritim Malaysia memulakan operasinya pada tahun 2006 dengan jumlah pemeriksaan yang dilakukan terhadap vesel di laut adalah 360, kemudian jumlah pemeriksaan ini telah meningkat kepada lebih 27,400 pemeriksaan pada tahun 2013 yang telah menghasilkan 688 tangkapan jenayah maritim.

5. Kejadian pelanunan dan rompakan yang melibatkan kapal dagang di perairan negara juga telah menurun. Berdasarkan statistik Biro Maritim Antarabangsa pada tahun 2004, sejumlah 38 kes perlanunan berlaku di Selat Melaka menurun kepada 12 kes pada tahun 2005. Pada tahun 2011, hanya dua kes saja yang dikesan berlaku dan telah ditangani di mana kesemua penjenayah berjaya ditangkap dan didakwa. Seterusnya, kes perlanunan menjadi sifar pada tahun 2009, 2010, 2012 dan 2013. Prestasi ini memberi keyakinan kepada komuniti maritim untuk menjalankan kegiatan di laut dan turut membantu menggiatkan pertumbuhan ekonomi negara.

6. Di antara kes berprofil tinggi yang berjaya ditangani pada tahun 2013 ialah menyelesaikan 3 kes rompakan yang melibatkan vesel nelayan tempatan berpangkalan di Bagan Panchor, Pantai Remis, Perak pada 2 Oktober 2013. Dengan kerjasama erat pihak Polisi Perairan (POLAIR) Indonesia, kesemua penjenayah telah menerima hukuman di negara asal dan sebuah bot nelayan telah dipulangkan kepada pemiliknya di Malaysia.

7. Dalam kes pencerobohan bot nelayan asing, sebanyak 636 tangkapan telah berjaya dilakukan dan kira-kira 5,000 PATI telah ditahan. Agensi juga berjaya mengutip hasil lebih RM 258.9 juta melalui pelupusan vesel, kompaun dan lelongan ikan serta menyelamatkan lebih 1.2 juta liter diesel dan petrol yang bernilai lebih RM 2.4 juta pada tahun 2006 hingga 2013.

8. Bagi pencapaian Mencari dan Menyelamat di laut, Maritim Malaysia telah mengambil alih tugas dari Jabatan Laut sebagai Penyelaras Operasi Mencari dan Menyelamat Maritim Kebangsaan pada 6 Jun 2006. Statistik Januari 2006 hingga Disember 2013, lebih 3,200 nyawa mangsa yang terlibat dengan insiden di laut dan kira-kira RM532 juta nilai harta berjaya diselamatkan. Pencapaian dipengaruhi kesiagaan operasi menyelamat yang dihasilkan menerusi latihan bersepadu dengan agensi-agensi tempatan, talian MERS 999 dan kempen kesedaran keselamatan di laut.

9. Selaras dengan pengiktirafan kerajaan terhadap Maritim Malaysia sebagai Agensi Tunggal Penguatkuasaan Maritim pada Ogos 2011, ia telah membawa kepada transformasi berikut:

9.1. Kemudahan Aset dan Infrastuktur. Mengambil alih aset agensi-agensi lain. Melibatkan 1 Pejabat Wilayah, 2 Daerah, 2 Pangkalan, 5 Jeti dan 158 vesel. Ketika ini Maritim Malaysia telah memiliki 250 vesel (87 bot dan 163 bot), 6 helikopter, 2 pesawat amfibia dan 14 radar, 5 pejabat Wilayah Maritim, 18 Daerah Maritim, 10 Pangkalan Maritim dan 5 Pos Maritim.

9.2. Keanggotaan. Pertambahan Perjawatan daripada 4,030 pada tahun 2006 kepada 5,170 sehingga Disember 2013. Jumlah optimum yang diperlukan menjelang tahun 2020 ialah 10,000 orang.

9.3. Kerjasama Antarabangsa. Kerjasama Maritim Malaysia dengan *Australian Custom Border Protection Services* (ACBPS) dalam memerangi jenayah penyeludupan migran. Pada 5 Februari lalu, kerajaan Australia mengumumkan secara rasminya untuk menyumbangkan dua kapal perondanya kepada Maritim Malaysia bagi meningkatkan penguatkuasaan dalam membanteras jenayah tersebut selain meningkatkan keupayaan operasi mencari dan menyelamat. Kapal tersebut dijadualkan akan diberi pada pertengahan tahun hadapan.

Sebarang pertanyaan, sila hubungi - Puan Faridah binti Shuib (03-89957019/019-2188001).